

UCAPAN Y.A.B. DATUK HUSSEIN CHAI,

PEMANGKU PERDANA MENTERI KETIKA

MERASMIKAN SEMINAR PERBAGAMAN

KEMAJUAN EKONOMI NEGERI-NEGERI

DI INTAN, PADA HARI KHAMIS,

15HB JANUARI, 1976, PADA JAM

10.00 PAGI

Yang Berhormat Menteri-Menteri,

Tuan-Tuan dan Puan-Puan hadirin sekalian,

Seminar pagi ini, diatur atas kehendak YAB Tun Perdana Menteri sendiri. Oleh itu, wajarlah kehormatan merasmikan Seminar ini diberikan kepadanya. Akan tetapi, disebabkan oleh hal yang kita sedia maklum, Tun Perdana Menteri merasa dukacita tidak dapat merasmikan Seminar ini, di samping bertemu dengan Pegawai Tinggi Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri, serta pegawai-pegawai lain. Berkutan dengan ini, saya telah disinta mengambil tempatnya dan tugas menutup Seminar ini telah saya serahkan pula kepada Y.B. Datuk Mohamed Rahmat.

2. Dalam hubungan ini, saya bersyukur ke hadhrat Allah kerana dapat menyempurnakan upacara pembukaan Seminar, di samping dapat pula menyampaikan garis panduan kepada pegawai-pegawai sekalian yang telah diberi amanah menyempurna dan menjalankan tugas melaksanakan objektif negara, menurut yang ditentukan kepada PKEN dan Perbadanan lain. Saya juga berterimakasih kepada penganjur Seminar ini iaitu Bahagian Penyelarasan Pelaksanaan dan Kemajuan Pentadbiran dengan kerjasama Kementerian Penyelarasan Perbadanan Awan dan INTAN yang telah menjemput saya menyampaikan ucapan ini.

Saudara sekalian,

3. Tujuan Seminar ini ialah untuk menganalisa dan mengkaji kemajuan kegiatan atau prestasi usaha PNEH supaya dapat diselaraskan dengan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru, secara lebih berkesan. Dalam keadaan yang wujud sekarang, khasnya di akhir tahun Rancangan Malaysia Kedua moleklah kita menoleh kembali aktiviti kita di masa lepas, sambil membulatkan kekuatan dan keazaman bagi meneruskan aktiviti di masa depan, di samping sembetulkan kekilapan dalam aktiviti kita itu.

4. Hasrat di belakang mengadakan Seminar ini ialah kerana Tun Perdana Menteri merasa kurang puas hati atas perjalanan setengah-setengah rancangan Perbadanan Kesuksesan Ekonomi Negeri. Saya sendiri pun berpendapat bahawa kegiatan rancangan PKEK sangat perlu diperbaiki, bukan sahaja dari segi strategi pelaksanaannya tetapi juga dari segi dasar objektifnya.

5. Mafiamat kita ialah untuk memberikan tenaga dan nilai baru kerana PKEB ini merupakan salah satu agensi utama kerajaan dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Negara. PKEB ditubuhkan untuk mengisi kehendak rakyat bumiputra. PKEB, sebenarnya adalah alat kerajaan di bidang ekonomi bagi mengisi kemahuan rakyat. Oleh itu, PKEB dengan aktiviti dan hasil pelaksanaannya, hendaklah mencerminkan hasil kegiatan kerajaan daripada segi ekonomi dan sosial. Sebaliknya, kerajaan tidak sekali-kali rela PKEB atau Perbadanan lain menjalankan aktiviti yang berlawanan dengan kehendak rakyat atau mengecewakan mereka yang boleh menambahkan modal bagi anasir anti-nasional dan komunis menuduh, mengancam dan menentang kerajaan.

6. Menyebut tentang rasa kurang puas hati ini perlulah saya menjelaskan iaitu bukanlah berarti kita meletakkan sepenuh bebanan tanggungjawab kepada pihak pengurusan FKEH semata-mata. Sudah tentu ada faktor-faktor, lain seperti kewangan, lack of decision dan termasuk juga sedikit sebanyak, political leadership dan political direction.

Saudara sekalian,

7. Tema Seminar ini ialah 'Perbadanan Ekonomi Negeri sebagai salah satu Ajen *utama* Dalam Pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru.' Saya diberitahu empat kertas kerja telah pun disediakan untuk diperbincang dan dianalisa. Saya juga berbangga bahawa Seminar ini bukan sahaja dihadiri oleh Ketua-ketua PKEN, tetapi juga pegawai daripada Jabatan lain supaya penyelarasan yang lebih berkesan dapat ditentukan kepada aktiviti PKEN. Saya yakin Seminar ini akan dapat mengkaji dengan terus-terang tetapi jujur mengenai kegiatan Perbadanan dan mengesyorkan pula langkah-langkah yang perlu diambil supaya dapat diperkemas dan dipergiatkan lagi perjalanannya.

8. Perlu juga saya tegaskan di sini bahwa PKEN ditugaskan menggalakkan perkembangan pembangunan perindustrian, pertanian, perdagangan dan perumahan, di tiap-tiap negeri. Melalui PKEN, kerajaan akan dapat mengesan bidang perniagaan dan perindustrian serta melatih kakitangan pengurusan, yang pada akhirnya, pengetahuan ini dapat disebarkan kepada buai-putra. PKEN juga diamanahkan bagi memainkan peranan penggerak bagi perkembangan ekonomi dan sosial, di tiap-tiap negeri.

9. Di bawah Dasar Ekonomi Baru, Kerajaan telah pun mengambil bahagian yang lebih positif di sektor perusahaan dan perdagangan. Pelaburan dan penyertaan secara langsung di lapangan ini telah dibuat untuk mendorong dan mempengaruhi bumiputra supaya bergerak secara lebih efektif lagi. Penyertaan kerajaan dibuat dengan dua cara, iaitu mengadakan projek yang dimiliki sepenuhnya dan kedua, secara usahasama dengan pihak swasta. Matlamat akhir ialah untuk mewujudkan seberapa banyak aktiviti perdagangan, selain daripada mengadakan peluang pekerjaan dan untuk membawa perusahaan ke kawasan kurang maju, dengan kerajaan sendiri mengambil peranan utama.

10. Dalam rangkaian ini, PKEN adalah salah satu agensi yang ditugaskan bagi melaksanakan matlamat ini. Agensi lain, seperti MAMA, UDA, PERHNAS, FINA, dan sebagainya turut menjalankan tugas ini, dalam bidang tertentu. Tetapi PKEN dianggap sebagai satu agensi terpenting dalam usaha ini, kerana kedudukannya lebih hampir dengan rakyat dan pentadbiran negeri, di samping mempunyai faktor yang diperlukan, dalam usaha pelaburan, seperti tanah, kawasan hutan, kawasan perindustrian dan lain-lain.

Saudara sekalian,

11. Melihat senarai aktiviti yang dilakukan oleh PNEH di semua negeri, khususnya Semenanjung Malaysia, dapatlah disebut, setakat ini, memang ada kejayaan yang telah dicapai. Kawasan perusahaan telah dibuka dan dimajukan dengan perbelanjaan yang besar untuk membawa perusahaan ke kawasan luarbandar. Hasilnya, beratus-ratus projek perusahaan telah muncul, dengan melibatkan pelaburan beratus juta ringgit. Rancangan perumahan, pembinaan kedai dan ruang perniagaan telah dimulakan. Tidak syak lagi, rancangan ini telah pun, mendatangkan faedah kepada rakyat dan membantu Kerajaan mencapai janjinya.

Sekalipun demikian, kemajuan yang dicapai itu masih belum cukup, memandangkan pengharapan rakyat yang bertambah. Dari taklimat dan laporan FKEM serta maklumat yang diterima dari punca lain, saya dapati kegiatan FKEM, dalam usaha mencapai Dasar Ekonomi Baru, masih jauh dari peringkat memuaskan. Ini perlu dibetulkan dari segi strategi dan kemajuan pelaksanaannya, serta dari segi dasar dan perancangan projek itu sendiri.

12. Di setengah-setengah negeri, ada PKEN yang tidak dapat melaksanakan projeknya dalam tempoh yang ditentukan. Ada projek yang dilaksanakan itu tidak dapat dijalankan secara viable dan menguntungkan. Projek yang tidak berjaya ini, bukan sahaja menghaspakan peluang pekerjaan, tetapi juga merugikan Kerajaan dan akhirnya, boleh memburukkan imej Kerajaan di mata rakyat.

13. Ada pula ^{di} dapati di setengah negeri lain, aktiviti PREN gagal mendatangkan faedah kepada golongan yang memerlukan kemudahan untuk kegiatan perniagaan. Rumah kedai yang didirikan di luar dari kemampuan mereka membeli atau menyewanya. Bangunan perniagaan, seperti hotel dan sebagainya, ada yang tidak diberi kepada bumiputra yang berkemampuan tetapi disewakan kepada pihak yang telahpun banyak mempunyai kemudahan.

14. Di bidang lain pula, PKEN telah banyak mengeluarkan perbelanjaan untuk rancangan perumahan. Tetapi apa yang berlaku, kebanyakan rumah itu mahal dan di luar kemampuan mereka yang berpendapatan rendah, yang sepatutnya menjadi target PKEN. Dalam perkara ini, Tun Perdana Menteri, telah mengarahkan supaya kegiatan perumahan PKEN, diselaraskan dengan kegiatan Kementerian Perumahan supaya rancangan rumah rakyat benar-benar memenuhi objektifnya. Begitu juga kegiatan mengadakan kemudahan perniagaan. Ada PKEN yang lebih menitikberatkan aktiviti di bandar besar saja dengan mengadakan rancangan yang prestigious. Hakikat ini tidak menepati keperluan pengusaha baru dari golongan busiputra.

Ada pula kegiatan PKEN yang bercanggah dengan kepentingan bumiputra. Keadaan ini menyulitkan usaha memperimbangkan kedudukan bumiputra, dengan rakyat lain di masa depan. Semuanya ini, menimbulkan masalah politik dan kerajaan menerima akibatnya. Dalam perkara seumpama inilah, kerajaan mahu suatu penyelarasan tegas antara kegiatan PKEN dengan kegiatan UDA, MARA dan agensi lain, yang diberi tugas yang specific, dalam lapangan yang sama. Seminar ini, saya yakin, dapat menghasilkan garis penyelarasan di antara mereka, supaya rancangan yang dilaksanakan mencapai kejayaan dan menuju matlamat yang dikehendaki.

Saudara sekalian,

15. Dalam projek perusahaan, PKEN telah banyak mengadakan projek usaha bersama dengan pelabor swasta termasuk warganegara asing. Projek usaha bersama dengan agensi Kerajaan menjadi sangat "attractive" kepada pelabor swasta, kerana kemudahan yang diperolehi dari kerjasama itu. Dalam hal ini, PKEN hendaklah bercermat supaya pelaborannya benar-benar dapat menjamin penyampaian dasar Kerajaan. Saya berkehendakkan PKEN menjalankan peranan yang lebih positif mencari rakan-rakan usaha bersama ini. Maksudnya, bukan dengan sikap menunggu "tawaran" usaha bersama sahaja, kerana kadangkala boleh merugikan. Suatu dasar atau guideline yang baik, perlu diadakan supaya pelaboran PKEN, dalam projek usahasama dapat mendorong pencapaian Dasar Ekonomi pada keseluruhannya.

16. Seperti yang dinyatakan tadi, Kerajaan dan rakyat masih belum puas hati dengan kejayaan PKEN. Sungguhpun tidak dapat dinafikan ada projek yang disiapkan dengan jayanya, tetapi bilangan projek seperti itu tidak banyak. Kerajaan mahu projek kemajuan diperbanyakkan lagi, khasnya di negeri-negeri seperti Trengganu, Kelantan dan Kedah. Banyak juga projek yang dijalankan mengalami kerugian. Ini tidak boleh dibiarkan berterusan. Kerajaan mempunyai punca kewangan yang terhad. Banyak tugas lain yang memerlukan wang. Segala perbelanjaan dan pelaburan mestilah dikeluarkan dengan penuh cermat.

17. Dalam hubungan tugas PKEN dan peranan pegawai-pegawainya, saya ingin menyebutkan satu perkara yang berat yang menuduh ada sebahagian kecil pegawai PKEN dan pengurus anak syarikatnya, yang terlibat dalam perniagaan yang bercorak kepentingan sendiri. Amalan ini kiranya benar hendaklah diberhentikan serta-merta. Kerajaan tidak mahu pegawai yang meletakkan kepentingan sendiri di atas kepentingan negara. Penyelewengan seperti ini adalah satu pengkhianatan kepada negeri. Pegawai PKEN, mestilah menumpukan sepenuh masa dan perhatian kepada tugasnya dengan jujur dan penuh dedikasi.

18. Dalam konteks ini, saya sukalah memberikan sedikit pesanan mengenai kualiti dan keperluan pengurusan, di kalangan saudara sekalian. Saya sesungguhnya merasa bangga dengan kecekapan setengah pengurusan PKN yang bekerja tanpa mengira penat lelah dan tidak menghiraukan kepentingan diri. Tetapi masih ada yang disifatkan belum mencapai peringkat kecekapan yang berutu. Di sinilah pentingnya saya menegaskan supaya setiap saudara, setiap pegawai yang diamanahkan dengan tugas negara, menjalankan kewajipan dengan penuh cikap, penuh amanah. Inefficiency atau dishonesty boleh menjahanankan kita; boleh membinasakan negara. Saudara-saudara perlulah meneliti setiap peringkat pengurusan, setiap pegawai bawahan supaya menjalankan tugas dengan

cekap, licin serta mencapai tujuan Kerajaan. Tanda-tanda telahpun ada bahawa mutu kerja dan semangat setengah pekerja kita baik dalam perbadanan, mahupun dalam kerajaan, telah merosot. Tidak ada tempat bagi mereka yang tidak sanggup memberikan sepenuh khidmat. Keadaan ini perlu diperbaiki dan kita patut meningkatkan kecakapan. Demikian juga mengenai soal kejujuran baik pada diri mahupun kepada tanggungjawab. Kejujuran kita boleh dinilai oleh rakyat. Atas kejujuran inilah rakyat menentukan nasib kerajaan.

Saudara sekalian,

19. Sebagai satu ajensi negeri, FKEN ditugaskan bagi membuka kawasan perindustrian. Kejayaan dalam pelaksanaan di bidang ⁱⁿⁱ sangat kritikal, dari segi pencapaian dasar membawa perusahaan ke kawasan kurang maju. Dasar menggalakkan perusahaan di kawasan luarbandar hanya dapat dilaksanakan apabila kawasan perindustrian dapat disediakan dalam tempoh tertentu. Beberapa negeri telah menumpukan usaha mengadakan kawasan perindustrian. Tetapi masih ada negeri yang belum bergerak dengan pesatnya. Saya percaya usaha yang bersungguh-sungguh dijalankan supaya dasar penyebaran perusahaan itu berjaya.

Saudara sekalian,

20. Peranan PKEN, dalam rangka Rancangan Malaysia Ketiga akan menjadi lebih kritikal. Sebagai agensi terpenting dalam pelaksanaan dasar ekonomi, PKEN hendaklah berusaha mengadakan peluang pekerjaan melalui projeknya. Demikian juga untuk mengadakan projek perusahaan yang bakal diserahkan kepada buriputra. Kerajaan akan memberi peruntukan dan pinjaman kepada PKEN untuk projeknya. Oleh itu, saya mahu PKEN menggunakan peruntukan ^{tersebut} dengan teliti, tetapi berkesan. *yang*

21. Dalam tugas ini, FKEM memerlukan tenaga dan sistem pengurusan yang kemas dan efektif. Seminar ini, diharap dapat menentukan cara membolehkan FKEM mendapatkan tenaga dan sistem yang sesuai. Jentera pelaksanaan yang efektif serta tenaga pekerja yang bermutu sangat penting bagi menjayakan usaha semua perbadanan. Mengambil peluang ini, saya ingin menyebut iaitu semenjak kerajaan mengambil bahagian cergas dalam sektor perusahaan, satu perkembangan sihat, telah dapat dilihat dengan wujudnya kumpulan 'managerial elite' untuk mengurus pelaburan atau projek perusahaan kerajaan. Mereka ini termasuklah saudara yang memegang jawatan pengurusan

penting di bidang itu. Saya mensifatkan golongan ini, 'managerial elite', kerana mereka bertanggungjawab bukan saja mengenai pelaburan kerajaan, tetapi menjadi 'entrepreneur' dalam menentukan pelaburan itu berhasil, selaras dengan dasar negara.

22. Pada hewat saya, tugas dan tanggungjawab golongan 'managerial elite' ini adalah luas dan lebih berat daripada tugas 'managerial elite' swasta, yang bertanggungjawab hanya kepada shareholders mereka sahaja. Golongan saudara, mempunyai tugas meletak pelaburan Kerajaan dalam sektor perusahaan, dan mengurus pelaburan itu dengan cermat sebagai 'trustee'. Kemudiannya, menentukan pelaburan itu menguntungkan supaya akhirnya dapat diserahkan kepada rakyat menikmati faedahnya. Tugas ini memerlukan vision, pertimbangan, kecekapan dan dedikasi yang penuh. Saya percaya saudara faham akan peranan ini dalam proses pembangunan negara dan bagaimana pentingnya dalam konteks menjayakan Dasar Ekonomi Baru.

Saudara sekalian,

23. Mengalih pandangan kita ke negara membangun yang lain, mungkin didapati ada kerajaan memainkan peranan positif di sektor perindustrian, dengan memilik-negarakan perusahaan yang stratejik. Sebaliknya, peranan kerajaan kita, dalam bidang ini, lebih merupakan 'partners in progress'.
Objektif kita ialah untuk penyertaan rakyat ^{kerajaan} secara ^{sebagai} 'trust' di samping menjadikan projek itu menguntungkan, dari segi 'commercial'.
Matlamat akhirnya, ialah supaya hakmilik dan pengurusan projek perusahaan ditiknati bersama oleh semua kaum di negara kita bagi menjamin wujudnya masyarakat adil dan makmur.

24. Bagi melaksanakan objektif Kerajaan menyerahkan projek perusahaan kepada penduduk rakyat, Kerajaan telahpun mengadakan garis panduan penyerahan hakmilik, supaya penyerahan itu berjalan dengan sempurna dan adil. Objektif utama dalam proses penyerahan ini ialah supaya projek itu terus dituruskan sebagai projek yang menguntungkan. Buat sementara, Kerajaan mungkin perlu memegang sebahagian dari equity projek yang diserahkan itu supaya pengurusan yang cekap terjamin sehingga pemilik baru itu boleh menguruskannya dengan menguntungkan juga.

25. Untuk menentukan kesempurnaan proses penyerahan hakmilik itu, suatu Jawatankuasa Khas telah dibentuk untuk mengawasi pelaksanaannya. Jawatankuasa ini akan menentukan projek pelaburan Kerajaan yang diserahkan dari masa ke semasa. Ia juga akan mendorong semua agensi Kerajaan menentukan matlamat jadual penyerahan projek mereka.



26. Dengan adanya rancangan per-
hakmilik itu, peranan saudara akan menjadi
berat dan bertambah. Saudara bukan sahaja
menentu dan menjalankan projek baru, tetapi
juga memastikan projek yang telah berjalan
menjadi viable dan layak dipindah milikan.
Jika kita gagal menjadikan projek ini 'viable'
sudah pasti kerajaan dituduh gagal dalam
usahanya mencapai objektif ekonomi.
Usaha mengseimbangkan hakmilik equity dan
tenaga pengurusan, dalam sektor perindustrian
tidak akan tercapai sepenuhnya. Pengenalan
kaum dengan sesuatu bidang ekonomi akan
berlanjutan. Keadaan ini pasti boleh
menjejas keharmonian dan kestabilan negara
kita, di masa depan.

27. Akhirnya, dengan penuh harapan melalui Seminar ini, saudara diharapkan dapat merangka suatu proses pelaksanaan dasar, dengan lebh berkesan. Perbincangan mengenai soal pengurusan, penentuan projek dan juga menilai projek yang dilaksanakan dari segi penyampaian Dasar akan mendorong menghasilkan proses itu.

Saudara sekalian,

28. Dengan harapan inilah, saya dengan sukacitanya, merasmikan Seminar Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri dan semoga ia berhasil.

Terimakasih.



Faint, illegible text, possibly bleed-through from the reverse side of the page.



No. Siri 162
No. Penerimaan 24/79